

27/06/1998

MTDC: PM puas hati

KUALA LUMPUR, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berpuas hati dengan pencapaian Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), yang produknya diterima di seluruh dunia.

Menurutnya, produk yang dibuat adalah canggih dan turut diterima oleh syarikat canggih lain di seluruh dunia.

"Mereka melakukan dengan baik, nampak banyak produk dan ada kemajuan serta ia menguntungkan. Saya berasa gembira," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melawat dan mendengar taklimat mengenai pencapaian MTDC di Rumah Teknologi, di Jalan Kia Peng, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Pengerusi MTDC, Datuk Dr Omar Abdul Rahman.

Dr Mahathir berkata, kejayaan ini adalah hasil daripada pemindahan teknologi daripada syarikat asing.

"Nampak maju. Produk yang dibuat adalah canggih dan diterima dunia. Banyak daripada syarikat ini memasarkan produk yang dihasilkan ke seluruh dunia... kepada syarikat canggih seluruh dunia," katanya.

Bagaimanapun, beliau enggan menjawab mengenai belanjawan tambahan sebanyak RM7 bilion yang diumumkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, minggu lalu, sama ada ia akan digunakan untuk memperbanyakkan lagi penyelidikan dan pembangunan.

Beliau berkata: "Ia tidak berkaitan dengan ini. Itu anda kena tanya beliau (Anwar)."

Perdana Menteri turut enggan mengulas kenyataannya semalam, iaitu cadangan yang dikemukakan oleh Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan ekonomi, sebenarnya memburukkan lagi ekonomi negara.

"Saya sudah pun menjawab soalan ini berulang-ulang kali," katanya.

Sejumlah 14 syarikat di bawah MTDC turut mengadakan pameran hari ini, termasuk syarikat pengeluar teknologi maklumat, bioteknologi dan elektronik.

MTDC diwujudkan pada 1993 bertujuan memaju dan mempromosi teknologi di negara ini, kini mempunyai modal berbayar RM78 juta dan melabur dalam 48 syarikat.

(END)